KOSPETA
KOOP NEGARA NO. 66

كوڤراسي كوسڤيتا مليسيا برحد
KOPERASI KOSPETA MALAYSIA BERHAD
LOT 15-1, TINGKAT 15, MENARA SENTUL, NO. 86, JALAN SENTUL
51100 KUALA LUMPUR

No Tel : 03-4050 6656
: 03-4050 7656
Email : kospeta66@gmail.com
Laman Web : www.kospeta.coop
No Whatsapp : 011-5762 4018

BORANG PERMOHONAN PEMBIAYAAN KOPERASI

A. BUTIR-BUTIR PEMBIAYAAN PEMOHON

Jumlah Dipohon : RM _____ Tempoh Pembiayaan : _____ Bulan

Jenis Pembiayaan : _____ Tujuan : _____

Sila tanda (/) dipetak yang berkenaan:

Jenis Pembiayaan									
	Peribadi		Kecemasan		Barangan		Insurans		Pelbagai

Kategori			
	Tanpa Penjamin		Berjamin

B. MAKLUMAT PEMOHON

Nama Penuh

No. Anggota

No. K/P Baru

Umur Tahun Jantina Lelaki Perempuan

Bangsa

Alamat Kediaman

Bandar Negeri Poskod

Telefon Bimbit No Tel.Pejabat Emel

Nama Bank No Akaun

C. MAKLUMAT SUAMI / ISTERI (JIKA ADA) ATAU WARIS TERDEKAT PEMOHON

Nama Penuh

No. K/P Baru No. K/P Lama

Alamat Kediaman

Bandar Negeri Poskod

Jawatan Gaji Bulanan **RM**

Telefon Bimbit No Tel.Pejabat Emel

D. PENGESAHAN PEMOHON

Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa:

1. Saya bersetuju mematuhi semua syarat dan aturan bagi Skim Pembiayaan ini.

Tarikh :

Tandatangan : _____
Pemohon

Nama : _____

No. K/P Baru : _____

Nota: Sila Rujuk Terma & Syarat Pembiayaan Koperasi Kospeta Malaysia Berhad di Lampiran A

E. PENGESAHAN TINDAKAN TATATERTIB DAN GAJI OLEH MAJIKAN / KETUA JABATAN

Adalah disahkan bahawa pemohon…….....
adalah:

I. Bebas / Masih Dalam Proses Tindakan Tatatertib
(Sila Nyatakan Jenis Tatatertib (Jika Ada)……:……..)

II. Gaji dan Elaun Pemohon pada……adalah sebanyak RM……Sebulan.

III. Majikan Bersetuju / Tidak Bersetuju membuat potongan daripada gaji pemohon.

……

TANDATANGAN

KETUA JABATAN & COP MAJIKAN

Nama :……

No Kad Pengenalan:……..

*Nota: Sila potong yang tidak berkenaan.

F. PERAKUAN DAN BUTIR-BUTIR PENJAMIN (BAGI PEMBIAYAAN BERJAMIN)

Saya / Kami yang tersebut di bawah, merupakan penjamin kepada.....Nombor K/P Baru: ……. Dengan ini mengaku jika peminjam gagal membayar balik pembiayaan atau sebarang bayaran ansuran berkaitan dengan pembiayaan ini seperti yang diperturunkan di sebelah muka surat ini, maka saya / kami akan membayar pembiayaan atau ansuran tersebut kepada Koperasi atau pihak yang diamanahkan mewakilinya.

Selanjutnya saya / kami dengan ini mengaku jika saya / kami gagal menjelaskan pembiayaan atau ansuran tersebut yang telah dikenakan maka koperasi boleh mengambil tindakan memotong daripada gaji saya / kami wang sebanyak yang terhutang bagi menjelaskan pembiayaan mengikut undang-undang berkaitan dengan pembiayaan yang tercatit di dalam Undang-Undang Koperasi.

PENJAMIN PERTAMA		**PENJAMIN KEDUA**	
Tandatangan	: ……	Tandatangan	: ……
Nama	: ……	Nama	: ……
No Anggota	: ……	No Anggota	: ……
No K/P	: ……	No K/P	: ……
No Telefon	: ……	No Telefon	: ……
Maklumat Disahkan	: ……	Maklumat Disahkan	: ……
	……		……
PENJAMIN KETIGA		**PENJAMIN KEEMPAT**	
Tandatangan	: ……	Tandatangan	: ……
Nama	: ……	Nama	: ……
No Anggota	: ……	No Anggota	: ……
No K/P	: ……	No K/P	: ……
No Telefon	: ……	No Telefon	: ……
Maklumat Disahkan	: ……	Maklumat Disahkan	: ……
	……		……

G. BOND PEMBIAYAAN

Bahawa saya……Anggota Koperasi Kospeta Malaysia Berhad, mengaku telah menerima daripada Koperasi Kospeta suatu pembiayaan sebanyak RM …… (Ringgit Malaysia……..……) yang saya mengaku akan membayar kembali dengan keuntungan sebanyak……..peratus setahun dalam tempoh ……..…bulan.

2. Saya mengaku akan menggunakan wang pembiayaan ini untuk……..dan jika sekiranya pembiayaan ini tidak gunakan seperti yang tersebut, maka mengakulah saya membayar kembali di dalam tempoh sebulan daripada tarikh ini, serta dengan denda (jika ada) yang dikenakan di atas saya menurut Aturan-aturan Pembiayaan Koperasi Kospeta Malaysia Berhad.

3. Maka saya mengaku, saya tidak akan berhenti dari perkhidmatan sekarang dan tidak akan berhenti dari menjadi anggota sehingga pembiayaan ini di bayar kembali dengan sepenuhnya, dan saya berikrar memberi kuasa kepada Koperasi ini boleh membuat potongan wang ansuran yang tersebut daripada gaji saya tiap-tiap bulan, terlebih dahulu sebelum gaji dibayar kepada saya oleh majikan saya.

4. Dan lagi saya berikrar, sekiranya ditakdirkan saya meninggal dunia di dalam masa pembiayaan ini belum selesai, ataupun sampailah masanya saya bersara atau diberhentikan dari jawatan dengan apa-apa sebab sekalipun, maka penjamin-penjamin saya yang bertanggungjawab di atas pembiayaan saya ini berhak menuntut daripada waris-waris saya baki hutang saya kepada Koperasi yang belum diselesaikan lagi itu, yang mana telah mereka jelaskan bagi pihak saya.

5. Dan lagi saya mengaku dan berikrar, iaitu saya tidak boleh membatalkan segala kekuasaan yang tersebut di atas dengan apa-apa jalan atau syarat sekalipun daripada waris-waris, wasi-wasi dan kuasa-kuasa saya, tidak boleh sekali-kali membantah atau soal-menyoal lagi dalam perkara ini.

……

TANDATANGAN PEMOHON

No Kad Pengenalan:……..

H. UNTUK KELULUSAN KOPERASI

PERTIMBANGAN: PENGERUSI / SETIAUSAHA / BENDAHARI / PENGURUS KOPERASI KOSPETA MALAYSIA BERHAD

KEPUTUSAN MESYUARAT	:	**LEMBAGA / JK PEMBIAYAAN KREDIT & KEANGGOTAAN**
TARIKH LULUS	:	
JUMLAH DILULUSKAN	:	
TANDATANGAN	:	

KOSPETA
KOOP NEGARA NO. 66

كوڤراسي كوسڤيتا مليسيا برحد
KOPERASI KOSPETA MALAYSIA BERHAD
LOT 15-1, TINGKAT 15, MENARA SENTUL, NO. 86, JALAN SENTUL
51100 KUALA LUMPUR

No Tel : 03-4050 6656
: 03-4050 7656
Email : kospeta66@gmail.com
Laman Web : www.kospeta.coop
No Whatsapp : 011-5762 4018

KOOP 3(A)

AKU JANJI BELIAN KOMODITI

Selaras dengan Surat Tawaran, saya dengan ini beraku janji untuk membeli komoditi yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran ('Komoditi') daripada koperasi pada Harga Jualan yang tersebut dalam Surat Tawaran ('Harga Jualan') bersama-sama dengan semua kos lain yang termasuk dengannya (termasuk tetapi tidak terhad kepada kos komoditi yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran) yang kedua-duanya akan dibayar mengikut terma-terma dan syarat-syarat Surat Tawaran atau apa-apa kaedah lain yang dibenarkan oleh koperasi.

Saya dengan ini membuat pilihan untuk:
(Sila tandakan (/) jika berkenaan)

☐ Menerima penghantaran komoditi, atau menjual komoditi kepada mana-mana pihak ketiga atas kehendak saya, dengan segala kos berkaitan ditanggung oleh saya sendiri. Saya dengan ini melepaskan koperasi daripada segala tanggungan dan beraku janji untuk menanggung rugi koperasi terhadap apa-apa tindakan undang-undang termasuk menanggung rugi kesemua kos dan perbelanjaan atau kerosakan yang koperasi mungkin alami atau tanggung berikutan dengan pilihan saya ini.

atau

☐ Meninggalkan komoditi itu kepada koperasi dan menyerahkan kuasa kepada koperasi sebagai wakil saya untuk menjual komoditi itu kepada pihak pembeli ketiga yang difikirkan sesuai oleh koperasi pada harga sama seperti jumlah pembiayaan pembiayaan koperasi (melalui Sistem Tawaruq).

Harga Jualan (Jumlah Pembiayaan) : **RM**
Nama Bank :
No. Akaun :

PELANTIKAN WAKIL LAFAZ AKAD

Saya dengan ini melantik **Koperasi Kospeta Malaysia Berhad** setelah Perjanjian Jualan Murabahah dipersetujui sebagai wakil saya untuk membeli komoditi dan menjadi wakil saya untuk menjual komoditi seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran kepada mana-mana pihak pembeli ketiga yang difikirkan sesuai oleh koperasi melalui platform Sistem Tawarruq.

Pengesahan :

(Anggota / Pemohon)

(Pihak Koperasi)

…… ……

Nama : Nama :

No K/P : No K/P :
Tarikh : Tarikh :

KOSPETA
KOOP NEGARA NO. 66

كوڤراسي كوسڤيتا مليسيا برحد
KOPERASI KOSPETA MALAYSIA BERHAD
LOT 15-1, TINGKAT 15, MENARA SENTUL, NO. 86, JALAN SENTUL
51100 KUALA LUMPUR

No Tel : 03-4050 6656
: 03-4050 7656
Email : kospeta66@gmail.com
Laman Web : www.kospeta.coop
No Whatsapp : 011-5762 4018

KEBENARAN PENZAHIRAN MAKLUMAT KREDIT INDIVIDU
Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA dan EXPERIAN (SPeKAR)

PENDEDAHAN

Pemohon dengan ini membenarkan **Koperasi Kospeta Malaysia Berhad** / ANGKASA dan / atau pegawainya untuk menggunakan, mendedahkan, memberitahu apa-apa maklumat yang berhubung dengan akaun SPGA/ beliau untuk tujuan atau berhubung dengan apa-apa tindakan atau prosiding diambil bagi tujuan penilaian kredit atau bayaran balik di bawah Terma dan Syarat ini.

Pemohon dengan ini membenarkan **Koperasi Kospeta Malaysia Berhad** / ANGKASA dan / atau pegawainya untuk penzahiran apa-apa maklumat individu yang berkaitan dengan kedudukan kredit, kemudahan atau akaun butiran pemohon kepada Experian Information Services (Malaysia) Sdn. Bhd. ("EXPERIAN") dan pelanggan EXPERIAN termasuk Bank / Institusi Kewangan, syarikat yang perlu mengikut cara yang di anggap perlu berkaitan dengan maksud yang berikut.

Pemohon dengan ini memberi kebenaran kepada EXPERIAN bagi pendedahan maklumat kredit, termasuk maklumat kredit perbankan kepada Koperasi Kospeta Malaysia Berhad / ANGKASA dan / atau pegawainya bagi maksud yang berikut seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 24, menurut Akta Pelaporan Kredit 2010. Persetujuan hendaklah kekal terpakai selagi pemohon mengekalkan akaun / pinjaman / kredit / apa-apa transaksi dengan maksud yang berikut.

Tujuan pendedahan termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

- Penilaian / Pemarkahan kredit
- Kredit / Semakan akaun
- Kedudukan / Pemantauan akaun individu
- Tujuan pemulihan hutang
- Dokumentasi undang-undang dan / tindakan berkenaan kontrak atau kemudahan kredit yang telah diberi.

Koperasi Kospeta Malaysia Berhad / ANGKASA / EXPERIAN tidak akan bertanggungjawab sama ada secara lansung atau tidak langsung kepada pemohon atau mana-mana orang lain untuk pendedahan sedemikian.

MAKLUMAT SEPERTI DI KAD PENGENALAN	**DISAHKAN OLEH WAKIL KOSPETA**
Nama:……	(Maklumat seperti di Kad Pengenalan) Nama:……
Kad Pengenalan:……	No Kad Pengenalan:……
Tarikh:	COP RASMI KOSPETA
TANDATANGAN: PEMOHON	TANDATANGAN: …… Tarikh:

KOPERASI KOSPETA MALAYSIA BERHAD
TERMA & SYARAT PEMBIAYAAN

Kelulusan Kemudahan Pembiayaan oleh Koperasi Kospeta Malaysia Berhad (No. Pendaftaran: KOOPNEGARA NO:66) kepada Anggota adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang telah dimaklumkan kepada Anggota semasa permohonan Pembiayaan tersebut dibuat. Terma dan Syarat ini akan mengikat Anggota serta-merta sebaik sahaja Pembiayaaan diluluskan oleh Koperasi Kospeta Malaysia Berhad.

Tafsiran

1. Terma dan Syarat ini, bersama dengan lain-lain dokumen berkenaan pembiayaan Anggota yang dibuat dengan Koperasi Kospeta Malaysia Berhad membentuk satu perjanjian yang menetapkan Terma dan Syarat berkaitan dengan Kemudahan pembiayaan ini.
2. Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini adalah sebagai tambahan dan bukannya gantian atau pengurangan terhadap mana-mana Syarat-syarat dan Aturan skim pembiayaan Koperasi Kospeta Malaysia Berhad.

Kelayakan Anggota

3. Kemudahan ini adalah tersedia untuk semua Anggota yang layak seperti yang dinyatakan di dalam Aturan-Aturan Skim Pembiayaan berlandaskan Syariah bagi kemudahan Pembiayaan di dalam Undang-Undang Kecil Koperasi Kospeta Malaysia Berhad beserta pindaannya dan arahan Koperasi dari semasa ke semasa.
4. Pemohon mestilah anggota yang koperasi yang aktif.
5. Mempunyai minimum **Yuran RM180.00 dan Syer RM1,000.00**.
6. Mempunyai rekod kewangan yang baik.
7. Status pekerjaan Tetap.
8. Pekerja kontrak (bagi Pihak Berkuasa Tempatan) perlu kemukakan surat kontrak yang terkini.

Pembiayaan

9. Syarat-syarat pembiayaan ini adalah seperti dinyatakan di dalam Aturan-aturan Skim Pembiayaan beserta pindaannya dan arahan dari Koperasi dari semasa ke semasa.
10. Pembiayaan yang disediakan oleh Koperasi Kospeta Malaysia Berhad ini bukanlah merupakan hak tetapi merupakan satu perkhidmatan kepada Anggota.
11. Jumlah maksimum pembiayaan yang diluluskan adalah **RM200,000.00** bergantung kelayakan gaji yang tidak melebihi **50% (bagi Konsesi Swasta) hingga 60% (bagi Pihak Berkuasa Tempatan).**
12. Jika pembiayaan berjamin , kurang dari RM10,000 (1 org penjamin) , RM10,001 – RM15,000 (2 org penjamin), RM15,001 – RM25,000 (3 org penjamin) dan RM25,0001 – RM200,000 (4 org penjamin).
13. Tempoh pembayaran balik adalah maksimun **120 bulan** bergantung pada jumlah yang diluluskan.
14. Kadar keuntungan dikenakan sebanyak **5.9%** hingga **6%** setahun secara tetap.

Konsep Syariah dan Permohonan Kemudahan Pembiayaan

15. (a) Kemudahan ini menggunapakai konsep Tawarruq yang melibatkan urus niaga jual beli dimana Koperasi Kospeta Malaysia Berhad akan memberi pembiayaan kepada Anggota dan Anggota bersetuju membeli komoditi dengan harga jualan yang tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.
    (b) Permohonan bagi kemudahan ini adalah melalui Borang Permohonan yang lengkap di atas oleh Anggota bersama dokumen-dokumen tambahan yang diperlukan bagi proses penilaian dan kelulusan. Melalui Borang Permohonan yang dikeluarkan oleh Koperasi Tentera, Anggota dengan ini bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini. Sebarang keputusan berhubung permohonan ini adalah tertakluk kepada kelulusan pihak Koperasi Kospeta Malaysia Berhad.
    (c) Dengan mengisi dan menyerahkan borang pembiayaan ini, Anggota dianggap telah membaca, memahami dan besetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat rasmi yang terkandung di dalam ini, termasuk keputusan yang dibuat oleh pihak Koperasi Kospeta Malaysia Berhad yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.

Kelulusan Kemudahan

16. Amaun pembiayaan yang akan diluluskan adalah berdasarkan kepada penilaian kredit oleh Koperasi Kospeta Malaysia Berhad.
17. Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada pelaksanaan, penyampaian dan penyempurnaan dokumen-dokumen yang diperlukan. Koperasi Kospeta Malaysia Berhad boleh menolak permohonan tanpa memberi sebarang alasan. Koperasi Kospeta Malaysia Berhad berhak meluluskan pembiayaan pada jumlah, kadar keuntungan dan tempoh pembiayaan yang mungkin berbeza dengan jumlah, kadar keuntungan dan tempoh pembiayaan yang dipohon oleh Anggota tanpa sebarang notis.
18. Anggota dengan ini memperakui bahawa penerimaan permohonan pembiayaan tersebut telah disempurnakan sebaik sahaja Koperasi Kospeta Malaysia Berhad mengkreditkan jumlah Pembiayaan yang diluluskan ke dalam akaun yang ditetapkan oleh Anggota.
19. Apa-apa perbezaan dalam jumlah pembiayaan dan/atau Tempoh Ansuran pembiayaan yang dipohon dan seterusnya diluluskan tidak akan memberi kesan kepada kesahihan Terma dan Anggota dianggap telah menerima wang untuk Jumlah Pembiayaan seperti yang diluluskan oleh Koperasi Kospeta Malaysia Berhad.

Caj dan Levi

20. Segala perbelanjaan termasuk caj & levi berhubung / berkaitan dengan penyediaan dan penyempurnaan dokumentasi serta caj perkhidmatan pembiayaan ini akan ditanggung oleh Anggota dan akan ditolak daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan oleh Koperasi Kospeta Malaysia Berhad yang diterima anggota.

Pelantikan Agensi / Wakil

21. Anggota dengan ini melantik wargakerja Koperasi Kospeta Malaysia Berhad sebagai wakilnya untuk menyempurnakan Akad Jualan Tangguh dan Akad Belian Komoditi berkaitan dengan Kemudahan ini.

Bayaran

22. Bagi maksud menyelesaikan pembayaran yang telah diluluskan, Anggota bersetuju untuk membenarkan majikannya membuat bayaran ansuran bulanan bagi pembiayaan ini secara potongan gaji sepanjang tempoh perkhidmatan Anggota. Anggota bersetuju untuk membuat bayaran menggunakan cara bayaran ansuran bulanan seperti yang telah tetapkan sehingga pembiayaan selesai.

Kejadian Ingkar

23. Koperasi Kospeta Malaysia Berhad mempunyai budi bicara mutlak untuk menamatkan pembiayaan dan/atau menuntut bayaran penuh daripada anggota dalam tempoh masa (mengikut bilangan hari yang tertera di dalam polisi), sekiranya berlaku sesuatu kejadian atau kejadian-kejadian ingkar termasuk tetapi tidak terhad kepada kejadian seperti yang berikut:
    (a) Ingkar dalam membayar ansuran 3 bulan berturut-turut atau apabila telah sampai tempoh masanya dan perlu dibayar sama ada dituntut secara rasmi atau tidak;
    Koperasi Kospeta Malaysia Berhad akan mengambil tindakan mengikut Undang-undang kecil Koperasi.

Perlindungan Insuran

24. Anggota dengan ini bersetuju kemudahan pembiayaan ini akan dilindungi di bawah skim takaful pembiayaan.

Pindaan Terma dan Syarat

25. Penggunaan pembiayaan adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini. Koperasi Kospeta Malaysia Berhad berhak pada bila-bila masa menambah, meminda, memadamkan, memperbaiki, mengubah atau menukar kesemua atau mana-mana Terma dan Syarat atau menggantikan keseluruhan atau sebahagian Kemudahan kepada suatu skim yang lain, sama ada yang serupa atau sebaliknya atau menarikbalik kesemuanya sama sekali selagi mana mematuhi Syariah. Semua terma dan syarat tertakluk kepada Undang-undang Kecil Koperasi dan Akta Koperasi 1993.

Tujuan dan Maklumat Pembiayaan

26. Anggota akan menggunakan kemudahan pembiayaan yang ditawarkan untuk tujuan yang telah dinyatakan. Koperasi Kospeta Malaysia Berhad berhak menolak dan menarik balik pembiayaan yang diluluskan ini pada bila-bila masa sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan pemohon didapati **TIDAK BENAR** .

Dokumen yang perlu dilampirkan:

27. i. Salinan slip gaji tiga (3) bulan yang disahkan.
    ii. Salinan Kad Pengenalan yang di sahkan.
    iii. Salinan kad pengenalan penjamin saya yang disahkan (sekiranya ada)
    iv. Borang Kebenaran Penzahiran Maklumat Kredit Individu (SPekar)
    v. Borang aku Janji Belian Komoditi
    vi. Terma & Syarat Pembiayaan – yang telah ditandatangani
    vii. Borang Perakuan Kebenaran Potongan Gaji Majikan – permohonan atas talian(online)

PENGESAHAN PEMOHON

Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa:

1. Maklumat yang diberikan di dalam permohonan pembiayaan ini dan dokumen lain adalah benar tanpa menyembunyikan maklumat yang mungkin mempengaruhi permohonan saya.
2. Pihak koperasi berhak menolak dan menarik balik permohonan pembiayaan yang diluluskan ini pada bila-bila masa sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan oleh pemohon didapati **TIDAK BENAR.**
3. Saya bersetuju mematuhi semua syarat dan aturan bagi Skim Pembiayaan ini.

Tandatangan Anggota : _____

Nama Anggota : _____

Nombor Kad Pengenalan : _____

Tarikh : _____